

## PEMERKASAAN JATI DIRI WANITA DAN HAK MEREKA MENURUT BARAT DAN ISLAM

### ***THE EMPOWERMENT OF WOMEN'S IDENTITY FROM THE WESTERN AND ISLAMIC PERSPECTIVES***

**Najla Farahanim Zamri<sup>1</sup>**  
**Ibnor Azli Ibrahim<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i (UNISSA), Brunei Darussalam (E-mail: najlafarahanim@gmail.com)

<sup>2</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang (UNISSA), Brunei Darussalam (Email: tesyekkur@gmail.com)

#### **Article history**

**Received date** : 27-12-2022

**Revised date** : 28-12-2022

**Accepted date** : 15-2-2023

**Published date** : 30-3-2023

#### **To cite this document:**

Zamri, N. F., & Ibrahim, I. A. (2023). Pemerksaan Jati Diri Wanita Dan Hak Mereka Menurut Barat Dan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (52), 28 - 47.

**Abstrak:** Kedudukan wanita sering menjadi polemik dalam perdebatan isu gender di pentas antarabangsa manakala Islam pula telah terkehadapan dalam menanggapi isu ini. Debat yang diwarnai oleh pelbagai bentuk pemikiran muncul di Barat untuk memperkasakan peranan wanita dalam era modenisasi. Kesemua ini telah menyumbang kepada kekeliruan wanita dalam mengekalkan jati diri mereka dan tidak berupaya untuk melaksanakan peranan hakiki mereka. Objektif kajian ini ialah mengkaji kedudukan wanita dalam sejarah dan pemikiran Barat yang dan membandingkannya dengan prinsip-prinsip Islam dalam usaha memperkasakan kedudukan wanita dari pelbagai sudut sama ada dari sudut sosial, politik dan ekonomi. Untuk mencapai objektif ini, kaedah kepustakaan telah digunakan untuk mendapatkan sumber-sumber yang primer dan sekunder. Kajian ini mendapati bahawa blok Barat telah berusaha untuk memperkasakan jati diri wanita melalui wadah undang-undang berasaskan aliran pemikiran yang pelbagai. Manakala Islam pula membawa isu wanita melalui pengukuhan syariat yang berteraskan kepada sumber wahyu iaitu al-Quran dan Sunnah. Disebabkan kelompongan Barat dalam memahami elemen ketuhanan dalam gaya hidup terpandu dengan agama, kerapuhan institusi keluarga dan masyarakat berterusan berlaku dan terus menemui jalan buntu. Kajian ini juga mendapati agama, ekonomi dan pendidikan mampu mengukuhkan jati diri wanita seperti yang diangkat oleh pemikiran Islam.

**Kata Kunci:** Jati Diri, Wanita, Gender, Barat, Pemikiran Islam

**Abstract:** The position of women has often become a polemic in the debate on gender issues on the international stage while Islam has been confronted in responding to this issue. A debate colored by various forms of thought emerged in the West to empower the role of women in the era of modernization. All of these have contributed to women's confusion in maintaining their identity and inability to perform their true role. The objective of this study is to examine the position of women in Western history and thought and compare it with Islamic principles in an effort to empower women from various angles, whether from a social, political or economic point of view. To achieve this objective, library methods have been used to obtain primary and secondary sources. This study found that the Western bloc has tried to empower women's

*identity through a legal framework based on diverse schools of thought. While Islam brings the issue of women through the strengthening of Sharia which is based on the source of revelation which is the Quran and Sunnah. Due to the West's laziness in understanding the divine element in a religiously guided lifestyle, the fragility of family and community institutions continues to occur and continues to reach a dead end. This study also found that religion, economy and education are able to strengthen women's identity as raised by Islamic thought.*

**Keywords:** Identity, Women, Gender, West, Islamic Thought

---

## Pengenalan

Barat mempunyai gaya pemikiran yang tersendiri dalam mempertahankan jati diri wanita dan menjamin kedudukan mereka dalam era dunia moden. Ia dilihat melalui hak dan peranan mereka sepanjang era pra-modenisasi sehingga kini. Namun tiada landasan yang jelas yang bersifat ketuhanan dan tulen yang dicorakkan oleh Barat dalam usaha memelihara kedudukan wanita. Sementara itu, Islam telah memelihara hak-hak dan kebolehperanan mereka dalam masyarakat sejak 1400 tahun yang lalu. Ini menggambarkan betapa Islam sangat mementingkan kelangsungan wanita sebagai sayap kanan dalam perjuangan dan jihad sejagat. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk melihat kedudukan wanita dalam pemikiran Barat dan Islam serta bagaimana pemerkasaan jatidiri mereka diangkat dalam institusi keluarga dan kemasyarakatan.

## Kajian Literatur

Banyak kajian terhadap isu wanita khususnya yang berkaitan dengan perspektif agama. Kajian sebegini biasanya tertumpu kepada isu kedudukan wanita dan hak-hak mereka. Al-Quran menjelaskan bahawa wanita adalah setaraf dan mempunyai hak yang sama dengan lelaki.<sup>1</sup> Menurut El-Gousi (2010), Islam memberi hak kepada wanita dalam urusan kehidupan mereka termasuk hak memilih pasangan, pemilikan harta, berekonomi, mewarisi harta, berpendidikan, hak membubarkan perkahwinan dan mendapatkan penghormatan.<sup>2</sup> Malah menurut Raheema dan Mohd Omar (2017), wanita Islam turut diberikan kebebasan berpolitik, memilih kerjaya dan peluang mengamalkan agama sama seperti lelaki serta mempunyai peranan yang tersendiri sesuai dengan fitrah mereka tanpa meninggalkan sumbangan terhadap negara.<sup>3</sup>

Keperluan terhadap penglibatan wanita dalam menjayakan fungsi khilafah adalah sangat ditekankan dalam Islam. Wanita Islam adalah tulang belakang dan elemen penting dalam pengukuhan sistem masyarakat. Wanita Islam adalah tulang belakang dan elemen penting dalam pengukuhan sistem masyarakat. Oleh itu, peranan wanita perlu diolah sebaiknya sebagai seorang isteri dan ibu dan ia diperincikan dalam kerangka membentuk isteri solehah dan ibu mithali. Prof. Elmira Akhmetova menyatakan bahawa kekurangan sumbangan wanita Islam dalam pembangunan negara moden khususnya dalam bidang keilmuan, sains dan teknologi adalah disebabkan oleh diskriminasi gender selepas abad ke-13.<sup>4</sup> Rukhaiyah dan Shukri (2018)

---

<sup>1</sup> Jamal A. Badawi. (1143M). Gender Equity in Islam. Riyadh: World Assembly of Muslim Youth. hlm 2-3

<sup>2</sup> El-Gousi, Hiam Salah al-Din Ali. (2010). Women's Right in Islam and Contemporary Ulama': Limitations and Constrains. (Egypt As Case Study). Tesis Dr. Fals. University of Leeds. hlm. 44-50

<sup>3</sup> Cho Cho Zaw@Raheema dan Myat Min@Mohd Omar. (2017). The Status and Rights of Women in Islam Mentioned in Islam. International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled. 1(1), 135-142. hlm.137

<sup>4</sup> Elmira Akhmetova. (2016). Women in Islamic Civilisation: Their Rights and Contributions. Islamic and Civilizational Renewal. 7(4): 474-491. hlm.486

dalam kajiannya menyimpulkan bahawa keperluan wanita moden terhadap penghayatan ilmu Islam adalah sangat penting untuk mengekalkan nilai mereka sebagai muslimah.<sup>5</sup>

Dalam tesis yang ditulis oleh Kitlyn Mendes (2009), gerakan feminism dimulakan oleh wanita-wanita Kristian di UK dan US sebelum berkembang dan mempengaruhi negara-negara lain. Gerakan ini mula bertapak bertitik tolak daripada penafian hak asasi mereka. Antaranya ialah pendidikan, pekerjaan, politik dan ekonomi serta amalan sistem patriarki dan kapitalis. Gerakan ini dibahagikan kepada tiga gelombang. Konvensyen pertama di Seneca Falls yang dianjurkan berjaya mendapatkan hak pemilikan harta, penjagaan anak, perwarisan dan perlindungan. Ia diikuti dengan hak mengundi yang akhirnya berjaya dicapai pada 1920 di US dan 1928 di UK.<sup>6</sup>

Menurut Budig (2004) melalui *Feminism and Family* dalam buku *The Blackwell Companion to the Sociology of Families*, pendirian terhadap institusi keluarga adalah berbeza mengikut setiap tokoh feminism. Feminism liberal menganggap bahawa keterikatan wanita terhadap peranan dalam institusi keluarga sebagai ibu, isteri dan kakak membataskan perkembangan kemahiran rasional dan merencatkan fungsi kemanusiaan.<sup>7</sup> Menurut Ameena Abdullah Abu Shehab dalam tesis beliau ‘Women, Islam and Modernity’, isu pembebasan wanita yang masuk ke dalam dunia Islam mengakibatkan undang-undang keluarga Islam dianggap sebagai sebab kemunduran umat Islam.<sup>8</sup>

### Kedudukan Wanita Dalam Sejarah dan Pemikiran Barat

Pemikiran masyarakat terhadap wanita dipengaruhi oleh agama. Perkara ini dijustifikasikan oleh Malik Bennabi dalam bukunya, *Asal-usul Masyarakat Manusia: Rangkaian Hubungan Sosial* bahawa agama adalah faktor yang mencipta satu susunan kehidupan masyarakat dalam hubungan sosial.<sup>9</sup> Ia disokong oleh Klingorova dengan menyatakan bahawa kedudukan wanita dalam masyarakat adalah hasil tafsiran teks agama, kebudayaan dan institusi yang dibina melalui komuniti agamawan.<sup>10</sup>

Masyarakat Barat secara umumnya meletakkan wanita sebagai pada kelas kedua dalam hierarki masyarakat dan tidak dianggap sebagai manusia. Perkara ini dilihat dengan debat bertulis atau *Querella des Femmes* yang diadakan sepanjang tahun 1500 di Eropah oleh tokoh Kristian dan Yahudi.<sup>11</sup> Ia mempersoalkan tentang kemanusiaan wanita dan diperdebatkan di Perancis, Jerman, Itali, Sepanyol dan England. Debat ini diterajui berdasarkan petikan Bible.

<sup>5</sup> Rukhaiyah binti Haji Abdul Wahab, Shukri Ahmad. (2018). Modernization and Islamic Education: Muslim’s Women Identity in Britain. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 3(8), 1- 11. hlm. 8

<sup>6</sup> Mendes, K. (2009). Reporting the Women’s Movement: A cross-national comparison of representations of second wave feminism and equal rights issues in the United Kingdom and United States daily press, 1968-1982. Tesis Dr. Fals. Cardiff University. hlm. 67

<sup>7</sup> Budig, M. (2004). *Feminism and Family*. Dlm Scott, J., Treas, J., Richards, M. (pnyt.). *The Blackwell Companion to The Sociology of Family*. Oxford: Blackwell Publishing hlm. 421-423

<sup>8</sup> Abu Shehab, Ameena Abdullah. 1992. *Women, Islam and Modernity*. Tesis Master. University of London. hlm. 62

<sup>9</sup> Bennabi, Malik. (2009). *Asal-Usul Masyarakat Manusia: Rangkaian Hubungan Sosial*. Terj:Muhammad Uthman El-Muhammady. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia. Hlm 69

<sup>10</sup> Klingorova, K. & Havlicek. T. (2015). Religion and gender inequality: The status of women in the societies of world religions. *Moravia Geographical Report*. 23(2), 2-11. Hlm.2

<sup>11</sup> Sonya Rudikoff. (1974). La Querelle des Femmes [Review of *Women Writers in France: Variations on a Theme; Mortal Wounds; Portrait of a Marriage*, by G. Brée, A. West, & N. Nicolson]. *The Hudson Review*, 27(2), 273–282. Hlm 273. DOI: 10.2307/3850008

Perkara ini berikutan daripada kecelaruan *The Holy Bible* dalam menentukan kedudukan wanita. Dalam bab Kejadian, wanita dianggap sebagai penolong dan teman kepada lelaki serta imej Tuhan sebagaimana Nabi Adam.<sup>12</sup> Kedudukan ini adalah kedudukan yang mulia dan menunjukkan mereka sebagai satu pasukan yang mempunyai kebergantungan antara satu sama lain. Walaupun begitu, dalam Korintus, wanita tidak diiktiraf sebagai imej Tuhan sama seperti lelaki.<sup>13</sup> Dalam masa yang sama, kedudukan wanita diletakkan pada hierarki keempat selepas Tuhan, Nabi Isa dan lelaki.<sup>14</sup>

Selain itu, terdapat dua pandangan Bible dalam menentukan kedudukan wanita iaitu melalui peristiwa penciptaan Siti Hawa yang dicipta selepas Nabi Adam<sup>15</sup> dan kesalahan beliau memujuk Nabi Adam untuk memakan buah larangan<sup>16</sup>. Kesalahan Siti Hawa telah menyebabkan beliau dihukum dengan kesakitan yang akan ditanggung semasa proses kelahiran. Penebusan ini bukan sahaja memberi kesan kepada Siti Hawa, tetapi kepada seluruh wanita daripada keturunan Nabi Adam. Perkara ini menunjukkan ketidakselarian Bible dalam menentukan taraf wanita. Disebabkan ini, maka tidak hairanlah jika pemikiran Barat cenderung memandang serong terhadap wanita. Perkara ini dapat dilihat melalui hak dan peranan wanita dalam sejarah Barat melalui sudut ekonomi, budaya, pendidikan dan hak-hak asasi manusia yang diberikan terhadap mereka.

### Hak Wanita dalam Pemilikan Harta dan Keterlibatan dalam Ekonomi

Peranan wanita dalam pembinaan ekonomi sangat ditekankan. Eksloitasi ini dapat diperhatikan dengan didikan yang diterapkan dengan penekanan kemandirian ekonomi daripada kecil untuk mendapatkan upah dan mengasah kemahiran rumah tangga mereka.<sup>17</sup> Maka, tidak hairanlah sekiranya wanita Perancis sebelum tahun 1550 menyumbang separuh daripada hasil tenaga buruh daripada aktiviti perdagangan makanan hingga pengangkutan bot feri.<sup>18</sup> Namun begitu, taraf pekerjaan wanita dianggap rendah, berkeuntungan sedikit dan kurang kemahiran.<sup>19</sup> Perkara ini berlaku disebabkan oleh keterhadan wanita memainkan peranan mereka secara maksimum dari sudut jasmani. Oleh itu, tidak hairanlah wanita menerima upah dengan kadar 3/4 daripada lelaki.<sup>20</sup> Perkara ini menjadikan mereka tidak mempunyai struktur kerjaya yang tetap dan tidak menghasilkan pulangan modal yang mencukupi.<sup>21</sup>

Pulangan daripada hasil pekerjaan ini digunakan untuk memenuhi keperluan keluarga dan perkahwinan. Sekiranya belum berkahwin, pekerjaan akan bertindak sebagai serampang dua mata; untuk mengasah kemahiran rumah tangga dan mendapatkan mahar. Mahar dibayar oleh majikan di akhir tempoh dengan pakaian dan upah untuk hari perkahwinan. Sekiranya

<sup>12</sup> Kejadian 3:12, 1:27, Kejadian 2:20-22

<sup>13</sup> 1 Korintus 11:7

<sup>14</sup> 1 Korintus 11:7

<sup>15</sup> Korintus 11:8-9

<sup>16</sup> 1 Timothy 2:11-14; Kejadian 3: 13-17

<sup>17</sup> Ward, Jeniffer (2016). *Women in Medieval Europe 1200-1500*. Cet.2. Oxon: Routledge Taylor and Francis Group. Hlm 15-20

<sup>18</sup> Collins, James. B. (1991). The Economic Role of Women in Seventeenth-Century France. *French Historical Studies*. 16(2):436-470. Hlm 436-437. DOI: 10.2307/286618

<sup>19</sup> Judith M. Bennett. (1996). *Ale, Beer and Brewters in England: Women's Work in A Changing World 1300-1600*. New York: Oxford University Press. Hlm 147

<sup>20</sup> Ibid. Hlm xv

<sup>21</sup> Ward, Jennifer (2016). *Women in Medieval Europe 1200-1500*. Hlm 81

pekerjaan wanita berpusat di rumah (*family industry*)<sup>22</sup> harta yang diperolehi adalah hak milik bersama tetapi diuruskan oleh suami. Namun begitu, di sebahagian Eropah, harta yang dimiliki oleh isteri sebelum perkahwinan; *femme covert* akan di alih milik kepada suami melalui adat *converture*.<sup>23</sup> Namun di Perancis, Scandinavia dan negara berlatitud rendah, wanita diberikan hak ke atas barang-barang mereka, mahar dan boleh menggunakan sebahagian harta suami yang telah meninggal.<sup>24</sup>

### Kedudukan Wanita Dalam Sosio-Budaya Barat

Wanita dalam sosio-budaya masyarakat Barat berada pada kelas yang rendah. Perkara ini dapat dilihat melalui bagaimana hak asasi tidak disalurkan kepada wanita dengan adil melalui pendidikan dan kebebasan bersuara dalam masyarakat.

#### Wanita dan Pendidikan

Disebabkan oleh kepercayaan menganggap wanita sebagai kurang kelayakan (*naqisoh al-ahliyyah*), pendidikan wanita tidak ditekankan. Walaupun terdapat segelintir keluarga bangsawan memberi pendidikan kepada anak perempuan mereka,<sup>25</sup> ia hanya berkitar dalam kemahiran asas membaca dan menulis. Lantaran ketidakpercayaan terhadap kemampuan wanita, tulisan serong (*italic*) dan berangkai (*cursive*) dikhurasukan kepada wanita kerana ia lebih mudah ditulis dan dipelajari serta boleh ditulis tanpa perlu mengangkat pen.<sup>26</sup>

Pendidikan wanita dihadkan manakala kaum yang lelaki yang mendapat kemahiran dalam bidang ilmu tertentu dan mempunyai akses terhadap dunia luar.<sup>27</sup> Anak perempuan tidak diberikan peluang pendidikan dan buku bacaan mereka dikawal kerana dikhuatiri akan membawa kepada kerosakan moral dan sifat kewanitaan. Justeru, pendidikan hanya disediakan di rumah, dikawal oleh ibu bapa dan penumpuan utama diberikan pada kemahiran rumah tangga.<sup>28</sup>

Pemikiran ini berlebar sehingga abad ke-17 apabila Jean Jack Rosseau<sup>29</sup> menyatakan bahawa pendidikan wanita terhadap wanita harus bermatlamat untuk mendapatkan perhatian dan

<sup>22</sup> Clark, Alice. (1919). *The Working Life of Women in the Seventeenth Century*. Somerset Street: London. Hlm 6-7; Howell, Martha. C. (1989). *Women, Production and Patriarchy in Late Medieval Cities*. London and Chicago: University of Chicago Press. Hlm 15; Prior, Mary. (1985). *Women in English Society 1500-1800*. London and New York: Routledge. Hlm.53; Ward, Jennifer. (2016). *Women in Medieval Europe 1200-1500*. Hlm 70

<sup>23</sup> Ward, Jennifer. (2016). *Women in Medieval Europe 1200-1500*. Hlm 50.

<sup>24</sup> Howell, Martha. C. (1989). *Women, Production and Patriarchy in Late Medieval Cities*. London and Chicago: University of Chicago Press. Hlm 15; Prior, Mary. (1985). *Women in English Society 1500-1800*. Hlm.53

<sup>25</sup> Ward, Jennifer. (2016). *Women in Medieval Europe 1200-1500*. Hlm 15-20.

<sup>26</sup> Mary, Caroline & Bowden, Kynaston (1996). Female Education in late Sixteenth and Seventeenth Centuries in England and Wales: A Study of Attitudes and Practices. Tesis Dr. Fals. University of London. Hlm162

<sup>27</sup> Alice T. Friedman (1985). The Influence of Humanism On Education of Boys and Girls in Tudor England. *History of Education Quarterly*. 25(1/2): 57-50 hlm 57

<sup>28</sup> Mary, Caroline & Bowden, Kynaston (1996). Female Education in late Sixteenth and Seventeenth Centuries in England and Wales: A Study of Attitudes and Practices. Hlm 48-51

<sup>29</sup> Jean Jacque Rosseau (1712-1778) merupakan ahli falsafah Barat pada abad ke-17. Beliau menzahirkan pemikirannya melalui penulisan. Salah satu buku yang memberikan impak yang besar kepada dunia wanita Barat adalah buku yang bertajuk '*Emile*'. Dalam buku ini, Rousseau telah menampilkan watak Emile daripada kecil sehingga dewasa untuk menyampaikan politik pendidikan beliau. Namun begitu, pendidikan kepada Sophie, bakal isteri meraih perhatian apabila beliau menampilkan politik pendidikan wanita yang terbaik adalah beriorintasikan lelaki. Wanita harus dididik agar menjadi objek yang menarik dan menawan hati lelaki melalui tingkah laku mereka sebagai tanda kebergantungan daripada kelemahan dan kepasifan mereka. Bagi Rousseau, pendidikan berdasarkan fitrah ini wajar memandangkan wanita diciptakan untuk kepentingan lelaki. *Emile* telah memberikan

menggoda lelaki. Perkara ini berikutan fungsi wanita adalah dikhususkan kepada mereka. Ia diterima oleh masyarakat dengan anggapan wanita tidak berupaya dalam bidang-bidang yang memerlukan kemampuan berfikir yang tinggi termasuklah bidang pengkeranian, pendidikan, pertahanan dan pentadbiran. Lantaran itu, Universiti Oxford, universiti Barat yang tertua di dunia tidak menerima kemasukan pelajar wanita selama lebih tujuh abad.<sup>30</sup>

### Wanita Barat dan Kebebasan Bersuara

Wanita Barat tidak diberikan kebebasan bersuara dalam masyarakat Barat. Pemikiran ini terbina di atas hujah agama yang ditegaskan secara jelas dan berulang dalam *The Holy Bible*.<sup>31</sup> Mereka dibenarkan menyertai kegiatan agama di peringkat bawahan dan tidak dibenarkan menyuarakan pandangan serta persoalan agama. Wanita yang bersuara di dalam gereja dianggap sebagai penghinaan kepada ahli keluarga lelaki mereka. Wanita dibenarkan menjadi ahli gereja namun mereka tidak dibolehkan untuk berkata-kata dan mengundi dalam urusan gereja.<sup>32</sup>

Dalam masa yang sama, wanita juga tidak boleh menzahirkan perasaan semula jadi mereka sebagai manusia. Wanita yang bertindak di luar sifat-sifat ‘mulia’ mereka dianggap tidak stabil dan berada di luar kawalan.<sup>33</sup> Mereka ditekan untuk bersikap secara rasional dalam setiap keadaan dengan hujah-hujah agama yang membunuh fitrah semula jadi wanita. Secara umumnya, wanita Barat tidak mempunyai hak dan peranan yang penting dalam sejarah mereka. Hal ini kerana, pandangan serong dan sinis yang menjadi budaya telah mengehadkan wanita daripada banyak sudut kemanusiaan.

### Gerakan Feminism Dan Kesamaran Dalam Isu Hak Wanita

Pada era pra modenisasi, sejarah wanita Barat mula cuba diubah melalui gerakan-gerakan pemikiran yang berkembang untuk membela dan mengangkat semula kedudukan dan hak mereka. Ia berlaku selepas Barat mengalami peralihan zaman yang mula membawa kepentingan ilmu untuk membina semula masyarakat.

Gerakan feminism dikelaskan kepada empat gelombang. Gelombang pertama bermula pada abad ke-18, manakala gelombang kedua dikesan pada abad ke-19 dan gelombang ketiga bermula pada akhir abad ke-19. Kebangkitan secara mendadak dan sentiasa pasang ini menjadi simbol kepada keghairahan wanita memperjuangkan martabat wanita. Pada tahun 2012, gelombang feminism keempat mula mengambil tempat dalam masyarakat. Walaupun sedikit terpisah daripada tiga gelombang utama, gelombang ini tidak pernah berhenti. Ini menjadikan isu feminism masih relevan dan panas sehingga ke hari ini.

Kebangkitan golongan feminism membebaskan wanita daripada penindasan mencapai skala global pada tahun 1973 dengan dua ribu lebih kumpulan Women’s Liberation ditubuhkan di Amerika Syarikat sahaja.<sup>34</sup> Lambakan buku, majalah, risalah, kempen, gerakan dan protes

---

pengaruh yang sangat kepada Eropah dan mendapat pelbagai respons termasuk Marry Wolstonecraft, seorang tokoh feminis.

<sup>30</sup> Al-Darkazlī, Shazā Salmān. (1997). *Al-Mar’at al-Muslimat ft Muwajjihāt al-Taḥdiyat al-Mu’āṣirat*. Oman: Rawā’I Majdalāwī. Hlm 59

<sup>31</sup> 1 Timothy 2: 11-12. 1 Corinthian 14:34-35

<sup>32</sup> Smith, Merril D. (2008). *Women’s Role in Seventeenth Century-America*. London: Greenwood Press. hlm 94

<sup>33</sup> Kernode, Jenny & Walker, Garthine. (1994). *Pnyt. Women, Crime and the Courts in Early Modern England*. Chapel Hill and London: The University of North Carolina Press. Hlm 16

<sup>34</sup> *The Feminism Book: Big Ideas Explained*. 2019, New York: Dorlings Kindersley Limited.

diusahakan oleh golongan feminis untuk memberi kesedaran dan kritikan terhadap masyarakat. Dasar perjuangan feminism adalah untuk membentuk kesetaraan dengan lelaki daripada pelbagai aspek seperti politik, ekonomi dan sosial. Antara hak yang dituntut sepanjang gerakan ini adalah seperti berikut:

- a. Hak untuk mengundi (*women's suffrage*) melalui kempen dan konvensyen di Seneca Falls, London.<sup>35</sup>
- b. Hak untuk menceraikan suami.
- c. Hak untuk menggugurkan dan kandungan dan mencegah kehamilan<sup>36</sup>
- d. Hak untuk melakukan seks secara bebas<sup>37</sup> dengan menolak keras konsep 'kesucian' (*virginity*) terhadap wanita sebagai bentuk ketundukan kepada lelaki.
- e. Peranan dan tanggungjawab keibubapaan yang sama (*egalitarian family*).<sup>38</sup>
- f. Hak untuk bekerja dalam sektor awam dengan gaji yang setara (*equal work, equal pay*) dan layanan yang sama.<sup>39</sup>
- g. Peluang yang sama rata dalam pendidikan dan kuasa untuk mengubahsuai semula kefahaman yang dibawa oleh Bible mengikut pandangan feminist wanita (*feminist scholarship*).
- h. Gaji atau upah melaksanakan tanggungjawab rumah tangga.<sup>40</sup>
- i. Hak pemilikan dan perwarisan harta.<sup>41</sup>

Kini, hampir semua tuntutan ini telah diluluskan dan dibenarkan dalam masyarakat Barat melalui United Nation Women dalam Gol kelima iaitu untuk memberikan kesetaraan hak dan memerkasakan wanita. Hak-hak yang diberikan ini menunjukkan bahawa wanita Barat memiliki kebebasan untuk bersuara dan bertindak tanpa batas. Kebebasan untuk bersikap mandiri daripada pengaruh lelaki diraih setelah sekian lama berada dalam keterikatan adat dan agama.

### **Eksloitasi Wanita Dalam Membangunkan Ekonomi**

Nilai wanita sebagai objek seksual mempunyai nilai yang tinggi dalam industri perniagaan. Berikutan itu, ia adalah peluang besar bagi Barat untuk mempergunakan wanita (*objectifying women*) demi membangunkan ekonomi. Ia berkembang dengan pesat dan secara meluas melalui pelbagai wacana semasa.

Salah satu kaedah yang digunakan dalam aspek ini adalah menjadikan wanita menjadi sasaran untuk ditampilkan dalam iklan-iklan pemasaran produk (*marketing communication*). Lantaran itu, bagi meningkatkan daya penarik sesuatu produk yang dipasarkan, wajah dan tubuh wanita didedahkan kepada tatapan umum menggunakan lengkok yang menarik perhatian. Ia dilihat sebagai strategi pemasaran yang berkesan dan berupaya meningkatkan hasil jualan.

<sup>35</sup> John Stuart Mill dan Harriet Taylor Mill. (1970). *Essay on Sex Equality*. Pnyt. Alice S. Rossi. Chicago: The University of Chicago Press. Hlm 96

<sup>36</sup> Afzalur Rahman. (1987). *Encyclopedia of Seerah*. Jil. 5. London: Seerah Foundation. Hlm 513

<sup>37</sup> Monica Threlfall. (1996). *Mapping the Women's Movement: Feminist Politics and Social Transformation in North*. New York: Verso New Left Review. Hlm 4

<sup>38</sup> Susan Harding. (1981). *Family Reform Movement: Recent Feminism and Its Opposition*. Feminist Studies. 7(1):57-75. Hlm 58 DOI: 10.2307/3177670

<sup>39</sup> Monica Threlfall. (1996). *Mapping the Women's Movement: Feminist Politics and Social Transformation in North*. Hlm 3

<sup>40</sup> Florence L. De Nmark (1993). Women, Leadership and Empowerment. Hlm 343-356.

<sup>41</sup> John Stuart Mill dan Harriet Taylor Mill. (1970). *Essay on Sex Equality*. Hlm 97

Hal ini kerana tampilan yang berbaur seksual adalah naluri fitrah kemanusiaan. Peningkatan hasil jualan kerana kaedah ini berupaya menggoda, meningkatkan kuasa penarik, mendorong keinginan untuk membeli dan mampu mencapai sasaran pelanggan dengan lebih menyeluruh dan umum kerana ia mempunyai nilai perhatian yang tinggi.<sup>42</sup> Kebiasaannya, iklan ini memaparkan wanita dengan skirt pendek, bikini, baju ketat dan pakaian dalam. Perkara ini dapat dilihat melalui iklan Calvin Klein, Tiger Beer, Ferrari dan banyak lagi yang memaparkan unsur-unsur seksual sebagai tujuan promosi produk.

Selain itu, lambakan filem pornografi juga menjadi salah satu kaedah yang digunakan oleh Barat untuk membangunkan ekonomi. Walaupun industri perniagaan pornografi adalah tidak beretika, ia mendapat permintaan yang sangat tinggi dalam kalangan masyarakat. Lantaran itu, ia sukar untuk dibendung tambahan pula dengan kemudahan akses daripada pelbagai rangkaian seluruh dunia melalui kemajuan internet. Industri pornografi adalah industri yang sangat luas dan tidak beretika namun seolah-olah tersembunyi berikutan kajian akademik terhadapnya adalah kurang.<sup>43</sup>

Di samping itu, aktiviti pemerdagangan wanita untuk tujuan eksloitasi seks di Barat<sup>44</sup> menunjukkan peratusan yang tinggi.<sup>45</sup> Wanita dan kanak-kanak perempuan ini digunakan sebagai pelacuran, perkahwinan palsu dan bahan pornografi.<sup>46</sup> Antara faktor yang menyumbang kepada pasaran Barat terhadap ‘perniagaan wanita’ adalah kewujudan bekalan (wanita) yang melebihi permintaan, normalisasi terhadap kebebasan aktiviti seksual (harga pasaran yang rendah) dan kemudahan akses kepada pelacur atas talian (*low-cost substitutes*).<sup>47</sup> Fenomena ini menjadikan wanita lebih dilihat sebagai sebagai alat berbanding manusia menyebabkan nilai-nilai kemanusiaan pada diri mereka tidak diberikan perhatian.

### Wanita Dalam Konteks Keamanan Global

Keamanan global atau *global peace* adalah keadaan di mana negara berusaha memastikan keamanan melalui jalinan hubungan yang baik di antara negara luar bagi mengelakkan konflik. Antara perkara penting dalam berada di bawah aspek keamanan global adalah ketenteraan yang menjadi simbol kepada keselamatan dan keterkawalan sesebuah negara. Wanita merupakan sebahagian daripada penggerak keamanan melalui penglibatan mereka dalam ketenteraan.

Walaupun tentera wanita membentuk peratusan kecil di negara-negara Barat,<sup>48</sup> mereka sangat diperlukan dalam menjalankan misi keamanan negara. Perkara ini dapat dilihat melalui persidangan United Nation Peacekeeping Summit pada tahun 2016 yang meneliti kekurangan

<sup>42</sup> Md Mahmud Alam, Shawon Muhammad Shahriar & Ahmed Aliyu. (2019). Presenting Women As Sexual Objects in Marketing Communications: Perspective of Morality, Ethics And Religion. *Journal of Islamic Marketing*. 10(3):911-927. Hlm 913. DOI:10.1108/JIMA-03-2017-0032

<sup>43</sup> Georgina Voss. (2012). *Treating it as a normal business': Researching the pornography industry*. Sage Publications: Sexualities. 15(3/4):391-410. Hlm 392

<sup>44</sup> Utara Amerika, Selatan Amerika, Central America, Caribbean, Central dan Selatan-Timur Eropah, Barat Selatan Eropah

<sup>45</sup> UNODC Research. GLOTiP 2020. Trafficking For Forced Labour; The Economy Of Coercion. 2020. <https://www.unodc.org/>. Hlm 96

<sup>46</sup> 22 Dec 201. United Nation. Goal 16: Peace and justice, Goal 5: Gender equality, News <https://www.un.org/sustainabledevelopment/blog/2016/12/report-majority-of-trafficking-victims-are-women-and-girls-one-third-children/>. [Dilayari pada 1 Januari 2023]

<sup>47</sup> Roy F . Baumeister dan Kathleen D. Vohs. (2004). Sexual Economics: Sex as Female Resource for Social Exchange in Heterosexual Interactions. *Personality and Social Psychology Review*. 8(4):339-363. Hlm 340.

<sup>48</sup> WION. 2020. Explained: Rise of Women Soldiers around the world. <https://www.wionews.com/opinions-blogs/explained-rise-of-women-soldiers-around-the-world-279075> [Dilayari pada 1 Januari 2023]

penjawat wanita sebagai Military Observer (MILOB) dan Military Staff Officer (MSO). Berikut itu, ia membawa kepada ketidakcapaian misi yang telah digariskan.<sup>49</sup> Justeru, pemerksaan wanita dalam pelbagai bidang termasuk ketenteraan oleh kerajaan Barat adalah sangat ditekankan.

Perkara ini ditambah pula dengan gagasan yang telah diwujudkan oleh CEDAW untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita. Lantaran itu, Insititusi Demokratik dan Hak Asasi Manusia (ODIHR) menyeru perlaksanaan hak-hak wanita dalam beberapa aspek ketenteraan khususnya kepada negara anggota OSCE (*Organization for Security and Co-operation in Europe*). Antara bentuk hak yang dicadangkan adalah akses wanita kepada bahagian hadapan pertempuran. Perkara ini diambil perhatian secara serius oleh negara-negara seperti Sweden, Serbia, Perancis dan Jerman.<sup>50</sup> Selain itu, wanita juga diberikan peluang penuh untuk memasuki misi mencegah konflik, menguruskannya dan membina semula keamanan selepas konflik melalui resolusi UNSCR 1325, 1889, 1820 dan 1960. Lantaran itu, terdapat pengaman wanita daripada negara-negara di bawah PBB dan NATO dikerahkan untuk berada di zon-zon konflik seperti Iraq dan Afghanistan dan berada di barisan hadapan pertempuran.<sup>51</sup>

Di samping itu, ODIHR juga telah menyelaraskan sistem latihan yang mesra jantina dengan menekankan latihan jasmani dan psikologi mengikut piawaian yang ditetapkan tanpa mengira jantina.<sup>52</sup> Perkara ini dibuat untuk memenuhi keperluan misi operasi yang memerlukan kepada ketahanan luaran dan dalaman wanita yang setara dengan lelaki. Oleh itu, wanita mendapat hak latihan yang sama dengan lelaki. Wanita juga diberikan hak untuk berada dalam semua jawatan ketenteraan.<sup>53</sup> Dalam pada itu, untuk mengurangkan jurang antara jantina, sistem perumahan mesra jantina (*unisex*) turut diperkenalkan kepada tentera Norwegian.<sup>54</sup>

<sup>49</sup> Markas Angkatan Bersama. 2017. Memo KP COP ke KS MK ATM Jun 2017. MATM/BOLP/DOP/3091 Jil 4-(31). <http://jointforces.mil.my/index.php/ms/> [Dilayari pada 1 Januari 2023]

<sup>50</sup> Organization for Security and Co-Operation in Europe (OSCE) 2013. Report of the first meeting in the ODHR Human Rights Discussion Series for representatives of the form for security co-operation: Armed Forces and Women's Access to Combat Position. Organization for Security and Co-operation in Europe Website. <http://www.osce.org/odihr/108776> [ Dilayari pada 1 Januari 2023].

<sup>51</sup> United Nations. 2000. Civilians and Armed Conflict: Women and Peace and Security. S / RES / 1325, Security Council Distr., General, 31 October; United Nations. 2008. Civilians and Armed Conflict: Women and Peace and Security. S / RES / 1820, Security Council Distr., General, 19 June; United Nations. 2009. Civilians and Armed Conflict: Women and Peace and Security. S / RES / 1889, Security Council Distr., General, 30 September; United Nations. 2009. Civilians and Armed Conflict: Women and Peace and Security. S / RES / 1888, Security Council Distr., General, 5 October; United Nations. 2010. Civilians and Armed Conflict: Women and Peace and Security. S / RES / 1960, Security Council Distr., General, 16 December.

<sup>52</sup> Organization for Security and co-operation in Europe. 2013. Report of the first meeting in the ODIHR Human Rights Discussion Series for representatives.of the forum foe security co-operation: Armed forces and Women Access to Combat Positions. Organization for Security and Co-operation in Europe Website. [Hhtp://osce.org/odihr/108776](http://osce.org/odihr/108776) [2 Janurari 2023]

<sup>53</sup> Organization for Security and co-operation in Europe. 2013. Report of the first meeting in the ODIHR Human Rights Discussion Series for representatives.of the forum foe security co-operation: Armed forces and Women Access to Combat Positions. Organization for Security and Co-operation in Europe Website. <http://osce.org/odihr/108776> [2 Janurari 2023]

<sup>54</sup> Molly Kovite. (22 Mac 2017). War on Rocks. The Dark Side Of Gender Segregation In The Military. <https://warontherocks.com/2017/03/the-dark-side-of-gender-segregation-in-the-military/>. [Dilayari pada 2 Januari 2023]; 25 Ogos 2016. New Straits Times. Norway introduces compulsory military service for women, bunking them in mixed dorms with men. <https://www.straitstimes.com/world/europe/norway-introduces-compulsory-military-service-for-women-bunking-them-in-mixed-dorms>. [Dilayari pada: 2 Januari 2023]

### Pendirian al-Quran dan Sunnah Terhadap Kedudukan Wanita

Dalam Islam, isu jantina tidak timbul kerana sejak awal kedadangannya, Islam telah mengangkat wanita daripada kedudukan yang hina kepada kemuliaan yang setara dengan lelaki. Perkara ini telah dapat difahami melalui ketinggian kedudukan seorang ibu dalam kehidupan anak lelaki dan ketinggian kedudukan suami dalam kehidupan isteri. Ini menunjukkan bahawa kaum lelaki dan wanita adalah golongan yang berbeza dan mempunyai kedudukan yang mulia dengan cara tersendiri. Daripada Abu Hurairah r.a, beliau berkata:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَمْكَنْتَ مَنْ؟ قَالَ ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ ثُمَّ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ أَحَقُّ النَّاسِ بِخُسْنِ صَحَابَتِي؟ أَمْكَنْتَ مَنْ؟ قَالَ ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ ثُمَّ أَمْكَنْتَ مَنْ؟ قَالَ ثُمَّ أَبُوكَ

Maksud:

Telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah s.a.w. maka dia berkata: Wahai Rasulullah! Siapakah yang lebih berhak menerima khidmat baktiku? Maka Rasulullah bersabda: Ibumu. Dia bertanya: Kemudian siapa? Rasulullah menjawab ibumu. Dia bertanya lagi: Kemudian? Rasulullah menjawab: Ibumu. Dia bertanya: Kemudian siapa? Rasulullah menjawab: Kemudian bapamu.<sup>55</sup>

Dalam hadis yang berbeza, Rasullah s.a.w. mengangkat kedudukan suami di tempat yang tinggi. Anas bin Malik meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا يَصْنَعُ لِبَشَرٍ أَنْ يَسْجُدَ لِبَشَرٍ، وَلَا صَلَحٌ لِبَشَرٍ أَنْ يَسْجُدَ لِبَشَرٍ، لَأَمَرْتُ الْمَرْأَةَ أَنْ تَسْجُدَ لِزَوْجِهَا، مِنْ عِظَمِ حَقِّهِ عَلَيْهَا

Maksud:

Tidak dibenarkan seorang manusia untuk sujud kepada manusia, sekiranya ia dibenarkan, nescaya aku akan mengarahkan wanita untuk sujud kepada suaminya kerana besarnya hak-hak suami ke atas dirinya.<sup>56</sup>

Wanita dan lelaki dalam Islam berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah. Dalam urusan dunia dan akhirat, wanita tidak dipinggirkan daripada menerima tugasan dan ganjaran yang sama dengan lelaki. Sebagaimana lelaki adalah khalifah, wanita juga memikul tanggungjawab yang sama. Tugas ini merangkumi kepelbagaian tanggungjawab keduniaan yang berada di atas dua paksi iaitu mengembeling tenaga untuk mengharmonikan masyarakat dengan nilai-nilai yang baik dan bermanfaat dan menyanggah perkara yang membawa keburukan. Dalam Surah al-Taubah, Allah s.w.t berfirman:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُعْلَمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكُوَةَ وَيُطْبِعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أَوْلِيَاءُ اللَّهِ أَنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksud:

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sesetengahnya menjadi penolong kepada sebahagian yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahanatan; mereka mendirikan solat dan memberikan

<sup>55</sup>Al Muslim. (1991). *Sahih Muslim*. Beirut: Dār ‘Ilmiyyah. No. 2548. Hlm 233

<sup>56</sup>Al-Albānī. (1988). *Sohih al-Jami'*. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī. No. 7725. [Syeikh Syu'aib al-Arnā'outh menilai hadith ini sahih li ghairihi

zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.<sup>57</sup>

Bahkan begitu, wanita muslimah dipelihara kemuliaannya daripada fitnah yang boleh menjatuhkan kedudukan mereka dalam masyarakat. Allah s.w.t. berfirman dalam Surah al-Nūr seperti berikut:

**وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةٍ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُنْ مُّنْذِنِينَ جَلْدَةً وَلَا  
تَقْبِلُوا لَهُنْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُنُّ الْفَسِقُونَ**

Maksud:

Dan orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan yang suci itu (berzina), hendaklah dia mengemukakan empat orang saksi. (Sekiranya tidak), Maka sebatlah mereka dengan lapan puluh kali sebatan dan tidak boleh diterima kesaksian mereka selama-lamanya. Sesungguhnya mereka itu orang-orang yang fasiq.<sup>58</sup>

Islam telah memberikan wanita hak untuk mempertahankan kesucian daripada dicemari dengan fitnah. Hak ini dimaktubkan melalui sistem kenegarann iaitu undang-undang jenayah yang wajar dilaksanakan sebagai satu bentuk syiar yang melambangkan kedudukan wanita dalam Islam.

### **Hak Wanita Dalam Kerjaya dan Kepimpinan Menurut Islam**

Dalam Islam, wanita layak untuk berada di ruang awam dan bekerja untuk memenuhi tanggungjawab dan peranan mereka sebagai khalifah mengikut kehendak semasa. Antara faktor yang mendorong kepada keperluan wanita untuk bekerja adalah tuntutan ekonomi dan kewangan, tuntutan sosial dan tuntutan psikologi.<sup>59</sup> Lantaran itu, mereka dibolehkan untuk berada dalam ruang kerjaya bagi memenuhi tuntutan semasa. Menurut Imam al-Ghazali, kaum wanita berhak dan dibolehkan untuk terlibat dalam kerja-kerja seperti lelaki sama ada di dalam atau di luar rumah. Namun begitu, ia harus memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk menjaga fitrah wanita. Syarat-syarat tersebut disebutkan dalam buku beliau, *Al-Sunnah Bayna Ahl Al-Fiqh wa Ahl Al-Hadith* seperti berikut:

- a. Jaminan keselamatan
- b. Jaminan terhadap kesejahteraan masa depan keluarga dan rumah tangga
- c. Menjaga batas-batas dan nilai kesopanan yang ditetapkan oleh Islam.<sup>60</sup>

Sekiranya syarat-syarat tersebut berjaya dipenuhi, wanita diharuskan untuk memiliki kerjaya dalam pelbagai bidang termasuk sosial, ekonomi dan politik. Walaupun kerjaya adalah batu loncatan kepada pembangunan masyarakat dan negara, wanita tidak harus mengabaikan peranan utama mereka dalam institusi keluarga. Justeru itu, pembangunan kerjaya haruslah bergerak selari dengan kepentingan pembinaan keluarga. Hal ini adalah kerana pembentukan keluarga Islam yang kukuh adalah tunjang kepada pembangunan masyarakat. Tambahan pula, jasmani, emosi dan psikologi wanita dibina khusus untuk memenuhi tanggungjawab utama ini.

<sup>57</sup> Al-Taubah: 7

<sup>58</sup> Al-Nūr: 4

<sup>59</sup> Al-Darkazlī, Shazā Salmān. (1997). *Al-Mar'at al-Muslimat fī Muwajjhāt al-Tahdiyat al-Mu'āşirat*. Oman: Rawā'I Majdalāwī. Hlm 103

<sup>60</sup> Syeikh Muhammad al-Ghazali. (1989). *Al-Sunnah Bayna Ahl Al-Fiqh wa Ahl Al-Hadith*. Beirut: Dar al-Syuruq. Hlm 44 dan seterusnya.

Dalam melaksanakan tuntutan kerjaya, wanita dibenarkan untuk menjadi pemimpin kepada sesebuah organisasi atau jabatan sekiranya mereka memiliki kelayakan. Menurut tafsir Syeikh Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA), perkataan **بَعْضُهُمْ أُولَيَاءِ بَعْضٍ** dalam ayat ke-71 Surah al-Taubah menunjukkan bahawa lelaki dan wanita sama-sama menolong dalam membela dan memimpin dalam urusan agama dan dunia. Ia bermaksud kuasa pimpinan tidak terletak mutlak ke atas bahu kaum lelaki, bahkan dalam sesetengah perkara, perempuan juga boleh memimpin lelaki.<sup>61</sup>

Namun begitu, dalam Islam wanita tidak dibenarkan untuk menjadi pemimpin besar negara berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abu Bukrah Nāfi' bin al-Hārith sebagaimana berikut:

**لَا يُفْلِحُ قَوْمٌ وَلَا أَمْرٌ هُمْ امْرَأَةٌ**

Maksud: Tidak berjaya sesuatu kaum sekiranya pemimpinnya adalah wanita.<sup>62</sup>

Walaupun Imam Ibn Hazm yang menukilkan kata-kata Imam Abu Hanifah<sup>63</sup> dan Imam al-Tabarī telah membernarkan wanita yang layak untuk menjadi sultan,<sup>64</sup> hukum ini hanya terpakai sekiranya wanita tersebut merupakan keturunan diraja untuk mengelakkan berlakunya perbalahan.

### **Hak Wanita Islam Dalam Ketenteraan**

Setiap wanita mestilah melakukan apa sahaja mengikut kadar kemampuan mereka untuk mempertahankan agama dan negara. Ia termasuklah dengan melibatkan diri dalam bidang ketenteraan. Imam al-Shafi'i memfatwakan bahawa wanita tidak diwajibkan untuk menyertai perperangan tetapi mereka dibenarkan melakukan demikian.<sup>65</sup> Perkara ini menunjukkan keanjalan Islam dalam mengangkat kedudukan wanita dan meraikan minat mereka terhadap kepelbagaian bidang kehidupan.

Ia bukanlah sekadar retorik agama bahkan sejarah membuktikan penglibatan wanita dalam perperangan sejak era awal Islam lagi. Perkara ini dapat dilihat melalui peristiwa Hātib ibn Abī Balta'at yang membocorkan perancangan untuk menakluki Kota Mekah dengan mengutus surat kepada musyrikin. Walaubagaimanapun usaha ini dipatahkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan memberi arahan kepada Ali bin Abi Talib serta Zubayr Ibn Awwam untuk meminta utusan wanita yang dihantar sebagai perisik.<sup>66</sup>

Antara tugas sahabiyah dalam medan perperangan adalah memberikan sokongan tempur, menjaga pertahanan belakang kaum muslimin, mengawal kawasan tertentu semasa perperangan berlangsung atau tidak, merawat sakit dan memberikan pertolongan cemas, menyokong psikologi mujahidin, membawa air semasa perang, menyediakan makanan dan harta benda,

<sup>61</sup> HAMKA. (2022). Buya HAMKA Berbicara Tentang Perempuan. Jejak Tarbiah: Bandar Baru Bangi. hlm 12

<sup>62</sup> Al-Albānī. Sohīh al-Jamī'. 5225. Hadis ini adalah sahih dan ditakhrijkan oleh al-Bukhārī. 4425

<sup>63</sup> Ibn Hazm. (t.t.). Al-Muhalla. Pyt. Juz 9 Beirut: Lujnah Ihya' al-Turath al-'Arabiyy Dar al-Afaq al-Jadidah. hlm 329

<sup>64</sup> Jamal Badawi, Dr. (1995). *Gender Equity in Islam*. Indiana: American Trust of Publications. Hlm 18.

<sup>65</sup> Al-Syāfi'i, Muhammad Idrīs. (1983). *Al-Umm*. Jilid 4. Cetakan 2. Beirut: Dār al-Ma'rīfat. Hlm 163. Al-Nawāwī. Raudat al-Tōlibīn. 10/210

<sup>66</sup> Suhaimi Sidek, Ezad Azraai Jamsari & Farid Mat Zain. (2019). Kepelbagaian Risikan Era Nabawi, Bitara: *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 2(1):111-123.

serta membaiki dan membaik pulih peralatan tempur.<sup>67</sup> Antara mujahidah yang unggul dalam medan peperangan telah direkodkan dalam sejarah seperti Khawlah binti Azwār, Sayyidatina Ṣafiyyah binti ‘Abdul Muṭālib, Asmā’ binti Yazīd binti al-Sakan, Asmā’ binti al-Harīth al-Hishām, Umm ‘Ammārah dan banyak lagi.<sup>68</sup>

Namun begitu, disebabkan oleh keterhadan keupayaan jasmani wanita yang kurang daripada lelaki, Islam telah menggariskan beberapa syarat dan prinsip untuk menjamin serta mengekalkan sifat-sifat kewanitaan mereka. Hal ini kerana kerjaya ini sedikit sebanyak telah mencabar nilai-nilai kesopanan yang dituntut kepada kaum wanita.

### Hak Wanita Dalam Perkahwinan

Dalam urusan perkahwinan, wanita telah diberikan pengiktirafan yang besar melebihi kaum lelaki sebagai seorang isteri dan ibu. Wanita telah diutamakan dengan tugas-tugas yang sesuai dengan fitrah mereka sebagai seorang wanita. Peranan wanita sebagai ibu dan isteri sahaja sudah memadai untuk membolehkan mereka mendapat jaminan syurga. Daripada Umm Salamah r.a. bahawa Rasulullah sa.w. bersabda:

أَيُّمَا امْرَأٌ مَاتَتْ وَزَوْجُهَا عِنْهَا رَاضٍ دَخَلَتِ الْجَنَّةَ

Maksudnya:

Mana-mana wanita yang meninggal dunia dalam keadaan suaminya reda dengannya, maka dia akan masuk syurga.<sup>69</sup>

Hadith ini menyatakan bahawa wanita yang beriman dan melakukan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri sehingga suaminya berpuas hati dengannya akan masuk syurga.<sup>70</sup> Rasulullah s.a.w. memperincikan hadith ini melalui riwayat ‘Abd al-Rahman ibn ‘Awf yang berkata bahawa Baginda s.a.w. bersabda:

إِذَا صَلَّتِ الْمَرْأَةُ خُمُسَهَا، وَصَامَتْ شَهْرَهَا، وَحَصَّنَتْ فَرْجَهَا، وَأَطَاعَتْ بَعْلَهَا،  
 دَخَلَتْ مِنْ أَيِّ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ شِئْتِي

Maksudnya:

Sekiranya seorang wanita mendirikan solat lima waktu, berpuasa pada bulan Ramadan, menjaga kemaluannya (dari perbuatan zina), taat kepada suaminya, maka dikatakan kepada wanita tersebut, “Masuklah kamu ke dalam suyurga melalui pintu mana yang kamu suka.”<sup>71</sup>

<sup>67</sup> Ālyah Ahmad Soleh Daifullah. (2004). *Aḥkām Jihād al-Mar’ah fi al-Syarī’at al-Islamiyyah wa Sowwaruhu al-Mu’āṣirat*. Al-Mājister. Al-Jāmi’at al-Urduniyyah. Hlm 122-139

<sup>68</sup> Mahmud bin Muhammad Habābah. (2005). ‘*Uluww al-Himmat li Nisā’ al-Ummat*. Iskandariah: Dar al-Aimān. Hlm 37-96

<sup>69</sup> Dikeluarkan oleh Al-Tirmidhī. (1978). *Abwāb al-Riḍā’ ‘an Rasulillah*. Jil. 3. Cet. 2. Kaherah: Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bāb Al-Ḥalabī. Hlm 469. No. 1174; Ibn Majah. Kitāb al-Nikāḥ. Bāb al-Mar’ah Tu’zī Zawihija. Jil 3. Kaherah: Maṭba’ah Dār Ḥayā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah. hlm 176. No. 2014. Dihukumkan sahih oleh al-Albany dalam al-Silsilah al-Sahihah. No. 173.

<sup>70</sup> Mustafa Said Al-Khin, Mustafa al-Bughā, Mahy al-Din Mustawā, al-Sharbaji, ‘Ali al-Shirbajī & Muhammad Amin Lutfi. (1987). *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Salihin*. Beirut: Mu’assasat al-Risalah. Hlm 45

<sup>71</sup> Ahmad. (2001). *Musnad Imam Ahmad*, Bab Musnad ‘Abd al-Rahman ibn ‘Awf Radi Allah ‘anh. Cet. 1. Lubnan: Muassasah al-Risālah. no. 1161; Ibn Hibban. (2009) *Sahih Ibn Hibban*, Bab Dhikr al-Ijab bi al-Jannah li al-Mar’ah idha ‘Ata’at Zawjaha. Taḥqī. Ahmad Muhammad Shakir. Mesir: Dār al-Ma’ārif. no. 4163. Syaykh Shu’ayb al-Arnā’ut mengatakan bahawa hadith ini sahih.

Dalam kes ini, wanita telah mendapat kelebihan dan peluang yang lebih besar berbanding lelaki untuk meraih syurga dan pengampunan dosa. Kelebihan ini diberikan secara khusus kepada kaum wanita. Hal ini adalah kerana, wanita adalah tunjang kepada keharmonian rumah tangga dan pembentukan peribadi anak-anak yang cemerlang. Keselarian hubungan dan hala tuju perkahwinan melalui kesepakatan bersama antara suami dan isteri boleh menjadikan proses pembinaan masyarakat Islam lebih cepat dan baik. Kaum lelaki pula dianjurkan untuk memperlakukan isteri dengan baik. Perkara ini telah dimaktubkan di dalam Surah al-Nisa', 4:19:

**وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ**

Maksud:

... dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isterimu) dengan cara yang baik...

Dalam mentafsirkan ayat ini, Ibn Kathir berkata: "iaitu bagi wanita itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan suami terhadap mereka di mana setiap daripada mereka ke atas yang lain ada kewajipan yang perlu dilaksanakan dengan baik."<sup>72</sup> Oleh itu, kewajipan suami yang perlu ialah memberikan nafkah dan mentadbir urusan luar rumah.<sup>73</sup> Allah s.w.t. berfirman tentang nafkah melalui Surah al-Baqarah:

**وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ نَفَقَةٍ أَوْ نَذْرَتُمْ مِنْ نَذْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُهُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ**

Maksud:

Dan (ketahuilah) apa sahaja yang kamu belanjakan (nafkahkan) atau apa sahaja yang kamu nazarkan; maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya dan (ingatlah) orang-orang zalim itu tiada sesiapa pun dapat menolongnya.<sup>74</sup>

Nafkah wajib yang menjadi hak isteri terbahagi kepada dua; iaitu nafkah zahir dan nafkah batin. Nafkah zahir adalah tanggungjawab berbentuk material yang perlu diberikan oleh suami kepada isteri sepanjang tempoh perkahwinan dan beberapa tempoh selepas berlaku perceraian. Kadar nafkah bersifat terbuka dan boleh tertakhluk kepada keadaan, masa dan tempat namun ia haruslah mencukupi mengikut adat kebiasaan setempat dengan mengambil kira keadaan kewangan suami.<sup>75</sup> Suami akan menanggung tiga keperluan asas pasangannya iaitu makanan, tempat tinggal dan pakaian.<sup>76</sup>

Nafkah batin adalah perlakuan dan muamalah suami terhadap isteri. Sepanjang perkahwinan, suami wajib memperlakukan isteri dengan baik dan adil. Menurut Imam al-Ghazali dalam etika perkahwinan, selain nafkah zahir, isteri layak diberikan penghormatan, diperlakukan dengan adil dan toleransi mengikut kesesuaian akal dan perasaan, diuruskan kehendak, naluri, kelemahan akal dan keburukan sikap mereka melalui diplomasi, kelembutan serta ketegasan untuk menjaga kepimpinan lelaki ke atas wanita, diberikan hak wanita dalam hubungan intim,

<sup>72</sup> Ibn Kathir, Abu al-Fidā' Ismā'i'l ibn 'Umar. (1998). *Tafsir Ibn Kathir*. Jil 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Hlm 609-610

<sup>73</sup> Ibn Duwayyān, Ibrāhīm ibn Muhammad Salūm. (1982). *Manār al-Sabīl fī al-Siyāsah al-Sharī'ah*. Beirut: Dār al-Bayāriq. Hlm 94

<sup>74</sup> Al-Baqarah: 270

<sup>75</sup> Mansor Sulaiman & Hasan Ahmad. Kadar Nafkah Suami kepada Isteri dan Hubungannya dengan Uruf Menurut Perspektif Syariah: Satu Perbincangan. *International Journal of Humanities Technology and Civilisation*. Universiti Malaysia Pahang. 12(1):49-58.

<sup>76</sup> Az-Zuhayli, Wahbah. (2011). *Fiqih Islam wa Adillatuhu*. Jil. 9. Jakarta: Gema Insani. Hlm 97

dan kesaksamaan dalam urusan poligami.<sup>77</sup> Suami juga mestilah berupaya untuk memberikan perlindungan kepada isteri daripada segala bentuk penganiayaan dan penghinaan.<sup>78</sup>

Selain itu, Islam juga memberikan hak kepada wanita untuk menuntut perceraian. Walaupun undang-undang Islam memberikan autoriti penuh kepada suami untuk melafazkan cerai (talak), kekuasaan untuk membubarkan perkahwinan banyak diberikan kepada wanita. Proses ini membabitkan hukum khulū', li'ān, ta'līq dan fasakh mengikut situasi.

### **Hak Wanita Dalam Pendidikan Dan Penglibatan Dalam Khidmat Sosial**

Pendidikan merupakan keperluan fitrah akal manusia. Lantaran itu, Allah s.w.t. telah mewajibkan wanita untuk menuntut ilmu. Memandangkan mereka memikul amanah yang besar untuk membangunkan dunia mengikut landasan syarak, keperluan fungsi akal sebagai sumber ilmu adalah sangat bertepatan dengan matlamat ini. Dalam Surah al-Ahzab ayat ke-72, Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبْيَانَ أَن يَحْمِلُنَّهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهُ  
أَوْ حَمَلَنَّهَا إِلَّا نَسَانٌ كَانَ ظُلُومًا جَهُولًا

Maksud:

Sesungguhnya Kami telah membentangkan amanah tersebut kepada langit dan bumi dan bukit-bukit namun mereka enggan dan gerun untuk memikulnya. Dan manusia mahu untuk memikulnya. Sesungguhnya dia (manusia) itu sungguh zalim dan jahil.<sup>79</sup>

Dalam tafsir Ibn Kathir, Rasulullah s.a.w. telah memuji wanita yang cintakan ilmu dan berjuang memartabatkan ilmu dalam diri mereka. Hadith ini direkodkan oleh Ahmad dan Ibn Majah seperti berikut:

نِعْمَ النِّسَاءُ نِسَاءُ الْأَنْصَارِ لَمْ يَمْنَعْهُنَّ الْحَيَاةُ أَنْ يَتَفَقَّهْنَ فِي الدِّينِ

Maksud:

Sebaik-baik wanita ialah wanita Ansar. Perasaan malu tidak menghalang mereka untuk memahami agama.<sup>80</sup>

Rasulullah s.a.w. juga mengarahkan para wanita yang masih dalam tempoh haidh untuk turut serta mendengar khutbah ilmu pada kedua-dua hari raya.<sup>81</sup> Perkara ini jelas menunjukkan bahawa wanita berhak diberikan pendidikan sewajarnya dan keperluan ilmu dalam diri mereka adalah sangat penting. Tanggungjawab keilmuan adalah tuntutan kemasyarakatan yang memerlukan kepada penyampaian sebagai satu bentuk keperluan ummah. Lantaran itu, wanita yang memiliki ilmu harus berada dalam kitaran khidmat masyarakat bagi membolehkan setiap cabang ilmu dimanfaatkan. Allah s.w.t. berfirman dalam Surah Ālī Imrān ayat 11:

<sup>77</sup> Al-Ghazālī. Abū Ḥamid. (2012) Marriage and Sexuality in Islam.. Kuala Lumpur :Islamic Book Trus Hlm 93-98

<sup>78</sup> Az-Zuhayli, Wahbah. (2011). Fiqih Islam wa Adillatuhu. Jil. 9. Jakarta: Gema Insani. Hlm 230

<sup>79</sup> Al-Aḥzāb: 72

<sup>80</sup> Al-Bukhārī. (2002). Ṣohīḥ Bukhārī. Cet.1. Beirut: Dār Ibn Kathīr. No.143/3550

<sup>81</sup> Al-Ḥaṣīn, Ahmad bin ‘Abd ‘Azīz. (2004). Al-Mar’at al-Muslimat Amām al-Taḥdiyāt. Al-Qaherah: Dar ‘Alim al-Kutub. Hlm 104

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرَجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ  
بِاللَّهِ

Maksud:

Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan daripada kalangan manusia. Kamu menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran dan beriman kepada Allah.<sup>82</sup>

Ayat ini menunjukkan bahawa umat yang terbaik adalah mereka yang melaksanakan tugas-tugas kebaikan dan memperbaiki keadaan masyarakat. Wanita yang mempunyai nilai ilmu terjun ke dalam masyarakat untuk meluaskan makna ilmu tersebut mengikut kadar kekuasaan mereka. Hal ini adalah kerana sifat ilmu itu memerlukan kepada perkembangan dan percambahan melalui amalan dan penyampaian. Sekiranya tidak berlaku, ia akan mati. Para sahabiyah telah berjuang menyampaikan ilmu kepada masyarakat.

Khidmat masyarakat yang utama adalah mengajak kepada keimanan kepada Allah berikutan ia adalah matlamat utama ilmu. Ia adalah teras kepada perpaduan dan pembangunan negara yang memerlukan kepada kelembutan cara dan ketegasan fikrah yang hanya boleh dicapai dengan kekuatan ilmu. Keperluan wanita sebagai penggerak dakwah adalah sangat penting memandangkan mereka mempunyai nilai empati yang sangat tinggi. Lantaran itu, Rasulullah menganjurkan wanita untuk sentiasa terkehadapan dalam khususnya dalam isu pembelaan wanita Islam yang semakin dipelopori oleh wanita Barat dengan pemikiran yang menyeleweng.

### Rumusan Hasil Kajian dan Kesimpulan

Konsep kesaksamaan dan ‘keadilan’ yang dibawa oleh Barat untuk membela dan meraikan kebebasan wanita telah meruntuhkan institusi keluarga dari dalam. Buktinya dapat dilihat melalui cubaan para wanita Barat untuk menuntut hak mereka melalui pelepasan daripada ikatan keluarga sejak awal. Ia adalah kerana tuntutan dan kebebasan yang diberikan digerakkan oleh pemikiran tanpa panduan agama yang utuh dan menyeluruh. Ia dibina di atas tamadun yang bersifat kebendaan yang menyebabkan wanita tidak mempunyai kebolehoperan yang terarah dan khusus serta dibiarkan bergerak mengikut keadaan tanpa mengikuti dasar norma kemanusiaan yang sebenar. Peristiwa yang terjadi pada pertandingan bola sepak FIFA 2022 yang menunjukkan keutuhan institusi keluarga Islam adalah tamparan hebat kepada masyarakat Barat yang sudah ‘kehilangan’ keluarga dalam pembinaan tamadun moden.

Hal ini adalah kerana penekanan hak dan peranan wanita Barat adalah lemah berbanding hak dan peranan yang dibawa oleh Islam. Islam mengiktiraf wanita sebagai tunjang kepada institusi keluarga yang harmoni. Kebebasan yang diberikan kepada wanita tidak sama dengan kebebasan lelaki berikutan hak dan peranan mereka adalah berbeza mengikut fitrah yang telah ditetapkan. Perkara ini digariskan secara seimbang sebagai bentuk pengukuhan tadbiran dunia yang memerlukan lelaki dan wanita untuk saling membantu dan menguatkan dengan cara yang tersendiri

<sup>82</sup> Alī ‘Imrān: 11

## Rujukan

- Al-Quran
- Al-Kitab
- Abu Shehab, Ameena Abdullah. (1992). Women, Islam and Modernity. Tesis Master. University of London.
- Afzalur Rahman. (1987). *Encyclopedia of Seerah*. Jil. 5. London: Seerah Foundation.
- Ahmad. (2001). *Musnad Imam Ahmad*. Cet. 1. Lubnan: Muassasah al-Risālah
- Al Muslim. (1991). *Saḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār ‘Ilmiyyah
- Al-Albānī. (1988). *Sohīḥ al-Jami'*. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī.
- Al-Bukhārī. (2002). *Ṣohīḥ Bukhārī*. Cet.1. Beirut: Dār Ibn Kathīr
- Al-Darkazlī, Shazā Salmān. 1997. *Al-Mar'at al-Muslimat fī Muwajjihāt al-Taḥdiyat al-Mu'āṣirat*. Oman: Rawā’I Majdalawī.
- Al-Ghazālī. Abū Ḥamid. (2012). Marriage and Sexuality in Islam.. Kuala Lumpur :Islamic Book Trust
- Al-Hasnūn, Ahmad bin ‘Abd ‘Azīz. (2004). *Al-Mar'at al-MUslimat Amām al-Taḥdiyāt*. Al-Qaherah: Dar ‘Alim al-Kutub
- Alice Clark. (1919). *The Working Life of Women in the Seventeenth Century*. Somerset Street: London.
- Alice T. Friedman. (1985). The Influence of Humanism On Education of Boys and Girls in Tudor England. *History of Education Quarterly*. 25(1/2): 57-50
- Āliyah Ahmad Soleh Daifullah. (2004). *Aḥkām Jihād al-Mar'ah fī al-Syarī'at al-Islamiyyah wa Sowwaruhu al-Mu'āṣirat*. Al-Mājister. Al-Jāmi'at al-Urduniyyah.
- Al-Syāfi‘ī, Muhammad Idrīs. (1983). *Al-Umm*. Jilid 4. Cetakan 2. Beirut: Dār al-Ma'rifat
- Al-Tirmidhī. (1978). *Sunan al-Tirmidhī*, Jil. 3. Cet. 2. Kaherah: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bāb Al-Ḥalabī
- Az-Zuhayli, Wahbah. (2011). *Fiqih Islam wa Adillatuhu*. Jil. 9. Jakarta: Gema Insani Bennabi, Malik. 2009. *Asal-Usul Masyarakat Manusia: Rangkaian Hubungan Sosial*. Terj.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Budig, Michelle. (2004). Feminism and Family. Dlm Scott, J., Treas, J., Richards, M. (pnyt.). *The Blackwell Companion to The Sociology of Family*. Oxford: Blackwell Publishing
- Caroline Mary & Kynaston Bowden. (1996). Female Education in late Sixteenth and Seventeenth Centuries in England and Wales: A Study of Attitudes and Practices. Tesis Dr. Fals. University of London.
- Cho Cho Zaw@Raheema dan Myat Min@Mohd Omar. (2017). The Status and Rights of Women in Islam Mentioned in Islam. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*. 1(1), 135-142.
- Collins. James B. (1991). The Economic Role of Women in Seventeenth-Century France. *French Historical Studies*. 16(2):436-470. DOI: 10.2307/286618
- El-Ghousi, Hiam Salah al-Din Ali. (2010). Women's Right in Islam and Contemporary Ulama':Limitations and Constrains. (Egypt As Case Study). Tesis Dr. Fals. University of Leeds
- Elmira Akhmetova. (2016). Women in Islamic Civilisation: Their Rights and Contributions. *Islamic and Civilizational Renewal*. 7(4): 474-491.
- Florence L. De Nmark (1993). Women, Leadership and Empowerment. *Psychology of Women Quaterly* 17.
- Georgina Voss. (2012). Treating it as a normal business': Researching the pornography industry. Sage Publications: Sexualities. 15(3/4):391-410.

- HAMKA. (2022). *Buya HAMKA Berbicara Tentang Perempuan*. Jejak Tarbiah: Bandar Baru Bangi.
- Helther L. Welch. (2020). Unnatural Beast in Women's Shapes: The Female Body in Early Modern England. Tesis Dr. Fals. Georgia State of University.
- Howell, Martha C. (1989). *Women, Production and Patriarchy in Late Medieval Cities*. London and Chicago: University of Chicago Press.
- Ibn Majah. (T.th). Sunan Ibn Majah. Jil 3. Kaherah: Maṭba'ah Dār Ḥayā' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Ibn Duwayyān, Ibrāhīm ibn Muhammad Salīm. (1982). *Manār al-Sabīl fī al-Siyāsah al-Sharī'ah*. Beirut: Dār al-Bayāriq.
- Ibn Hazm. (t.th.). *Al-Muhalla*. Pyt.,Jil. 9 Beirut: Lujnah Ihya' al-Turath al'Arabiyy Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Ibn Hibban. (2009). *Sahih Ibn Hibban*. Tahqīq. Ahmad Muhammad Shakir. Mesir: Dār al-Ma'ārif.
- Ibn Kathir, Abu al-Fidā' Ismā'i'l ibn 'Umar. (1998). *Tafsir Ibn Kathir*. Jil 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jamal Badawi. (1995). *Gender Equity in Islam*. Indiana: American Trust of Publications.
- Jennifer Ward. (2016). *Women in Medieval Europe 1200-1500*. Ed.2 Oxon: Routledge Taylor and Francis Group.
- Jenny Kernode& Garthine Walker. (1994). Women, Crime and the Courts in Early Modern England Chapel Hill and London: The University of North Carolina Press.
- John Stuart Mill dan Harriot Taylor Mill. (1970). *Essay on Sex Equality*. Alice S. Rossi. Chicago: The University of Chicago Press.
- Judith. M. Bennet. (1996). *Ale, Beer and Brewters in England: Women's Work in A Changing World 1300-1600*. New York: Oxford University Press.
- Kamila Klingorova & Tomas Havlicek. (2015). Religion and gender inequality: The status of women in the societies of world religions. *Moravia Geographical Report*. 23(2): 2-11.
- Mahmud bin Muhammad Ḥabābah. (2005). 'Uluww al-Himmat li Nisā' al-Ummat. Iskandariah: Dar al-Aimān.
- Mansor Sulaiman & Hasan Ahmad. Kadar Nafkah Suami kepada Isteri dan Hubungannya dengan Uruf Menurut Perspektif Syariah: Satu Perbincangan. *International Journal of Humanitites Technology and Civilisation*. 12(1):49-58.
- Markas Angkatan Bersama. 2017. Memo KP COP ke KS MK ATM Jun 2017.
- MATM/BOLP/DOP/3091 Jil 4-(31). <http://jointforces.mil.my/index.php/ms/> [Dilayari pada 1 Januari 2023]
- Marry Prior. (1985). *Women in English Society 1500-1800*. London and New York: Routledge
- MB Zinn. (2000). Feminism and Family: Studies for a New Century. *The Annals of American Academy for Political and Social Sciences* 57(1):42-56 [://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/000271620057100104](http://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/000271620057100104)
- Md Mahmud Alam, Shawon Muhammad Shahriar & Ahmed Aliyu. (2019). Presenting Women As Sexual Objects in Marketing Communications: Perspective of Morality, Ethics And Religion. *Journal of Islamic Marketing*. 10(3):911-927. DOI:10.1108/JIMA-03-2017-0032
- Mendes, Kitlyn. (2009). Reporting the Women's Movement: A cross-national comparison of representations of second wave feminism and equal rights issues in the United Kingdom and United States daily press, 1968-1982. Tesis Dr. Fals. Cardiff University.
- Merril D. Smith . (2008). *Women's Role in Seventeenth Century-America*. London: Greenwood Press.

- Molly Kovite. 22 Mac 2017. War on Rocks. The Dark Side Of Gender Segregation In The Military. <https://warontherocks.com/2017/03/the-dark-side-of-gender-segregation-in-the-military/>. [2 Januari 2023].
- Monica Threlfall. (1996). *Mapping the Women's Movement: Feminist Politics and Social Transformation in North*. New York: Verso New Left Review.
- Mustafa Said Al-Khin, Mustafa al-Bughā, Mahy al-Din Mustawā, al-Sharbaji, 'Ali al-Shirbajī dan Muhammad Amin Lutfi. (1987). *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Salihin*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah
- New Straits Times. 25 Ogos 2016. Norway introduces compulsory military service for women, bunking them in mixed dorms with men. <https://www.straitstimes.com/world/europe/norway-introduces-compulsory-military-service-for-women-bunking-them-in-mixed-dorms>. [2 Januari 2023]
- Organization for Security and Co-Operation in Europe (OSCE) 2013. Report of the first meeting in the ODHR Human Rights Discussion Series for representatives of the form for security co-operation: Armed Forces and Women's Access to Combat Position. Organization for Security and Co-operation in Europe Website. <http://www.osce.org/odihr/108776> [ Dilayari pada 1 Januari 2023].
- Organization for Security and co-operation in Europe. 2013. Report of the first meeting in the ODIHR Human Rights Discussion Series for represntatives.of the forum for security co-operation: Armed forces and Women Access to Combat Positions. Organization for Security and Co-operation in Europe Website. <http://osce.org/odihr/108776> [2 Januari 2023]
- Organization for Security and co-operation in Europe. 2013. Report of the first meeting in the ODIHR Human Rights Discussion Series for represntatives.of the forum for security co-operation: Armed forces and Women Access to Combat Positions. Organization for Security and Co-operation in Europe Website. <http://osce.org/odihr/108776> [2 Janurari 2023]
- Paula Gerber,& Joel Gory. 2014. The UN Human Rights Committee and LGBT Rights: What is it Doing? What Could it be Doing?. *Human Rights Law Review* 0:1-37. DOI:10.1093/hrhr/ngu019.
- Roy F . Baumeister dan Kathleen D. Vohs. (2004). Sexual Economics: Sex as Female Resource for Social Exchange in Heterosexual Interactions. *Personality and Social Psychology Review*. 8(4):339-363.
- Rukhaiyah binti Haji Abdul Wahab, Shukri Ahmad. (2018). Modernization and Islamic Education: Muslim's Women Identity in Britain. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 3(8), 1- 11
- Saiful Adlie. Mac (2020). <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwaumumcat/4402-irsyad-al-fatwa-siri-ke-478-adakah-bil-air-termasuk-nafkah-wajib-kepadaisteri>. [3 September 2021]
- Sonya Rudikoff. (1974). La Querelle des Femmes [Review of *Women Writers in France: Variations on a Theme; Mortal Wounds; Portrait of a Marriage*, by G. Brée, A. West, & N. Nicolson]. *The Hudson Review*, 27(2): 273–282. DOI:10.2307/3850008
- Suhaimi Sidek, Ezad Azraai Jamsari & Farid Mat Zain. (2019). Kepelbagaian Risikan Era Nabawi. *Bitara: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 2(1):111-123.
- Susan Harding. (1981). Family Reform Movement: Recent Feminism and Its Opposition. *Feminist Studies*. 7(1):57-75. DOI: 10.2307/3177670
- Syeikh Muhammad al-Ghazali. (1989). *Al-Sunnah Bayna Ahl Al-Fiqh wa Ahl Al-Hadith*. Beirut: Dar al-Syuruq.

- The Feminism Book: Big Ideas Explained. (2019), Foreword by Lucy Mangan. New York: Dorlings Kindersley Limited.
- United Nation Human Rights. 2012. Born Free And Equal: Sexual Orientation and Gender Identity in International Human Rights Law. HR/PUB/12/06. Office of The High Comissioner.
- United Nation. 22 Dec 2001. Goal 16: Peace and justice, Goal 5: Gender equality, News <https://www.un.org/sustainabledevelopment/blog/2016/12/report-majority-of-trafficking-victims-are-women-and-girls-one-third-children/>. [1 Januari 2023]
- United Nations. 2000. Civilians and Armed Conflict: Women and Peace and Security. S / RES/ 1325, Security Council Distr., General, 31 October
- United Nations. 2008. Civilians and Armed Conflict: Women and Peace and Security. S / RES/ 1820, Security Council Distr., General, 19 June
- United Nations. 2009. Civilians and Armed Conflict: Women and Peace and Security. S / RES/ 1889, Security Council Distr., General, 30 September
- United Nations. 2009. Civilians and Armed Conflict: Women and Peace and Security. S / RES / 1888, Security Council Distr., General, 5 October
- United Nations. 2010. Civilians and Armed Conflict: Women and Peace and Security. S / RES/ 1960, Security Council Distr., General, 16 December.
- UNODC Research. GLOTiP 2020. Trafficking For Forced Labour; The Economy Of Coercion. 2020. <https://www.unodc.org/>. [16 Disember 2022]
- WION. 2020. Explained: Rise of Women Soldiers around the world. <https://www.wionews.com/opinions-blogs/explained-rise-of-women-soldiers-around-the-world-279075> [1 Januari 2023]